

Rakyat masih boleh berbincang meskipun ada perselisihan -Dr.M

U.M. 11 DEC 1979

IPOH 10 Dis. —
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini rakyat negara ini dari berbilang kaum masih boleh berbincang untuk memajukan negara meskipun adanya perselisihan faham antara mereka.

"Dunia mengetahui keadaan ini," kata Timbalan Perdana Menteri ketika berucap di hadapan kira-kira 30,000 orang yang menyambut ketibaannya di lapangan terbang di sini petang ini untuk memulakan lawatan rasmi pertama tiga hari ke Perak.

Inilah satu sikap yang perlu diamalkan kerana ia akan menentukan 'survival' rakyat dan negara, katanya.

Timbalan Perdana Menteri menyatakan gembira kerana rakyat juga boleh berkumpul bersama-sama dalam keadaan-keadaan seumpamanya.

"Inilah suatu bukti kepada dunia, walaupun adanya perselisihan faham yang kecil, tetapi rakyat Malaysia boleh

bekerjasama dan menyelesaikan untuk kepentingan negara."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, inilah pertama kali beliau mengadakan lawatan rasmi sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri ke Negeri Perak, sekali pun berkali-kali datang sebelumnya.

"Lawatan ini merupakan lanjutan lawatan-lawatan yang diamalkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dari sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri hinggalah dia menjadi Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata, lawatan itu diharap bukan sahaja mendapat 'feedback' kepada Kerajaan Pusat, tetapi juga dapat menjalinkan perhubungan rapat antara para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional.

Amalan itu telah dibuat sejak begitu lama, terutamanya ketika Allahyarham Tun Razak menjadi pemimpin Kerajaan Malaysia.

Beliau berharap, perhubungan baik antara rakyat dengan para pemimpin kerajaan akan berkekalan dan akan merupakan satu cara amalan dalam penghidupan setiap hari.

"Kalau tak ada perhubungan tak akan wujud keadaan tenang yang menimbulkan syak wasangka antara para pemimpin dan rakyat," tegas Timbalan Perdana Menteri.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pemerintahan sekarang merupakan lebih kompleks tidak sahaja di negeri-negeri, tetapi di peringkat pusat.

Oleh kerana itu, kata

beliau, Barisan Nasional terpaksa membahagikan tugasnya.

Kata beliau lagi, lawatan yang telah dilakukannya ini juga dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, tetapi lawatan Datuk Hussein agak terbatas, kerana kekurangan masa.

Beliau menekankan, lawatan seumpamanya adalah mustahak, kerana rakyat sendiri telah meletakkan para pemimpin yang akan memimpin kerajaan dengan harapan para pemimpin itu akan menyelesaikan segala masalah-masalah mereka.

Beliau berharap, para pemimpin kerajaan akan

mendengar dan berusaha menyelesaikan masalah rakyat yang dipimp.

Katanya, dengan cara demikian tidaklah akan timbul sebarang masalah yang mungkin berbangkit dan inilah sebabnya amalan yang dibuat oleh para pemimpin kerajaan sebelumnya diamalkan hingga sekarang.

Beliau mengingatkan rakyat supaya menjauhkan diri dari melakukan perkara-perkara perpecahan kaum dan tentukan kerajaan sederhana yang ada kekal selamlamanya.

Timbalan Perdana Menteri petang ini mempengeruskan sidang khas Jawatankuasa Perhubungan UMNO Perak bertemu dengan para pemimpin 21 buah bahagian UMNO seluruh Perak di kediaman Menteri Besar.